

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : RENCANA

Program makanan percuma sekolah kena babitkan KKM, PIBG

● Sistem kita sepatutnya mampu jamin hak setiap orang mendapat makanan dan nutrisi mencukupi selain keadilan, kedaulatan makanan, keharmonian serta keseimbangan antara manusia dengan alam sekitar

● Realitinya, program pemakanan sekolah percuma menjadi cara paling berkesan menjamin akses makanan berkhasiat dan mengatasi malnutrisi serta kekurangan makanan berkhasiat



Pengerusi
Pertubuhan Hak
Dapat Makanan
Malaysia (HADAM)

Oleh Dr Wan Abdul Manan Wan Muda
bhrencana@bh.com.my

Dunia mengalami isu kekurangan makanan meluas termasuk Malaysia hingga *Global Nutrition Report* melaporkan dua juta rakyat negara ini yang tidak cukup makan, iaitu tak mampu makan tiga kali sehari pada 2022.

Sekitar 800 juta penduduk dunia menghadapi kelaparan kini. Walaupun krisis makanan makin teruk, tindakan antarabangsa dalam menangani punca masih menyedihkan.

Sistem kita sepatutnya mampu jamin hak setiap orang mendapat makanan dan nutrisi mencukupi, selain keadilan, kedaulatan makanan, keharmonian serta keseimbangan antara manusia dengan alam sekitar.

Justeru dalam konteks ini, program pemakanan sekolah percuma sebenarnya penting dilaksanakan di negara ini, apatah lagi jurnal perubatan terkemuka, *The Lancet* pada September 2023, melaporkan program makanan percuma sekolah menjadi jaringan keselamatan sosial terluas di dunia dengan 83 peratus negara menyediakan makanan kepada 418 juta kanak-kanak setiap hari.

Lebih dua perlima atau 41 peratus murid sekolah rendah di dunia diberi makanan, iaitu 61 peratus di negeri berpendapatan tinggi, tetapi hanya 18 peratus di negeri berpendapatan rendah.

Ketika sekolah ditutup dalam tempoh pandemik COVID-19, ratusan ribu kanak-kanak di negara ini hilang peluang makanan sekolah hampir dua tahun.

Hakikatnya, makanan percuma kepada kanak-kanak dan murid sekolah memberikan manfaat fizikal. Ini kerana kesihatan dan pemakanan ketika 'umur kanak-kanak pertengahan' (5 hingga 12 tahun) tidak patut diabaikan.

Penyakit, kelaparan, malnutrisi dan kekura-

ngan nutrisi menghalang pembangunan fizikal serta kehadiran sekolah. Program pemakanan sekolah sejagat dapat membantu pembangunan fizikal kanak-kanak pada umur kritikal.

Program demikian dapat memperbaiki mikronutrien keseluruhan. Misalnya, usaha ini dapat mengurangkan anemia akibat kurang zat besi dalam darah dalam kalangan kanak-kanak sekolah rendah dan remaja perempuan.

Ia juga memberikan manfaat pendidikan kerana mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Kajian sistematik menunjukkan kaitan positif antara program pemakanan sekolah dengan pencapaian akademik kerana kanak-kanak lapar atau tidak sihat kurang mampu belajar secara berkesan.

Pupuk semangat kebersamaan

Menurut Program Makanan Dunia (WFP), pelaburan demi pembangunan kanak-kanak antara paling berkesan.

Program makanan percuma di sekolah juga dapat menjamin kesaksamaan dan penyertaan. Kesan fizikal dan pendidikan pembangunan kanak-kanak juga mengurangkan ketidaksamaan serta peminggiran pada peringkat sekolah rendah.

Kesan terhadap kehadiran dan prestasi sekolah kanak-kanak miskin serta luar bandar amat menggalakkan menurut kajian WFP. Pengurangan kadar keciciran, terutama murid perempuan dan luar bandar, dapat memperbaiki kesihatan serta kesejahteraan ibu, di samping mengurangkan kadar kematian kanak-kanak.

Program sejagat mampu memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan kanak-kanak. Ini akan mengurangkan stigma perbezaan sosioekonomi, budaya, agama atau etnik.

Proses demikian terbukti berkesan seperti apa dapat disaksikan dalam program pemakanan sekolah di Jepun.

Malah, program pemakanan sekolah akan terus meningkatkan pembangunan ekonomi tempatan. Petani, pemproses makanan, tukang masak dan pengangkut makanan dan pihak terabit dalam rantai bekalan menikmati manfaatnya.

Petani tempatan juga patut terabit dalam menyediakan bekalan makan segar, selamat dan sihat tanpa racun serangga. Dengan demikian, makanan terlampaui diproses juga dapat dielakkan.

Penyediaan makanan sekolah percuma dapat mengurangkan kerentanan keluarga terhadap kejutan seperti kemerosotan ekonomi, inflasi, wabak penyakit seperti COVID-19 dan bencana alam.

Kepastian makan tengah hari percuma secara berkala, untuk semua murid sekolah rendah dan menengah, dapat melindungi sumber serta kebajikan keluarga ketika terancam.

Apa mengejutkan juga, ia dapat memberikan pulangan pelaburan. Analisis *Harvard School of Public Health* menunjukkan pulangan ekonomi program pemakanan sekolah setanding dengan penyelesaian paling kos-efektif *Copenhagen Consensus Center*.

Menurut WFP, pelaburan pembangunan kanak-kanak antara paling berkesan dan berhasil oleh kerajaan.

Kurangkan ketaksamaan pendidikan

Sebenarnya, Program Makanan Tambahan Sekolah di negara ini adalah usaha bermula di bawah Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan (RAMP) pada 1976.

Sebagai usaha menambah baik program berkenaan, pakar pemakanan Kementerian Kesihatan (KKM) perlu dibabitkan untuk mengoptimalkan faedah kesihatan program sekarang.

Koperasi petani juga perlu dilibatkan usaha membaiki amalan pertanian dapat dilakukan, sekali gus memastikan bekalan bahan mentah lebih selamat dengan mengurangkan penggunaan racun serangga.

Begitu juga Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) perlu dilibatkan kerana mereka boleh membantu dalam usaha memastikan makanan murid bukan sahaja selamat, bahkan enak dimakan dengan menggunakan bahan tempatan.

Realitinya, program pemakanan sekolah percuma menjadi cara paling berkesan untuk menjamin akses makanan berkhasiat dan mengatasi malnutrisi serta kekurangan makanan berkhasiat.

Makanan disediakan mengandungi pemakanan lengkap dengan nutrien yang penting dalam usaha mengatasi kelaparan, mencegah berat badan berlebihan dan obesiti, akses sekolah dan pendidikan serta mengurangkan penyakit dan kemiskinan.

Pemakanan baik dapat mencegah penyakit dan jangkaannya kerana diet sihat membantu mencegah penyakit termasuk kanser, penyakit jantung, darah tinggi dan diabetes.

Apatah lagi pemakanan lengkap akan membaiki sistem imun tubuh dan meningkatkan prestasi kognitif serta akademik, sekali gus dapat mengurangkan ketaksamaan mendapat pendidikan antara jantina.



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : MINDA PEMBACA

Bantu remaja atasi bahaya dunia digital, kesihatan mental

Amnah Makhtar,
Pegawai Psikologi
(Kaunseling)
Pejabat Kesihatan
Daerah Seberang
Perai Selatan

Dalam era digital serba canggih, remaja berhadapan pelbagai cabaran tidak pernah dialami generasi sebelumnya antaranya masalah kesihatan mental. Gangguan kesihatan mental bukan lagi isu terpendil, bahkan menjadi fenomena memerlukan perhatian serius semua pihak.

Penggunaan media sosial meluas menjadi satu lagi cabaran besar kepada remaja. Media sosial sering memberikan gambaran kehidupan sempurna hingga boleh menyebabkan mereka berasa rendah diri dan tidak berpuas hati dengan diri sendiri.

Keinginan mencapai 'kesempurnaan' seperti dilihat di media sosial boleh menjejaskan harga diri dan kesejahteraan emosi remaja. Oleh itu, kesedaran penggunaan media sosial sihat perlu dipupuk.

Seterusnya, buli siber juga antara punca utama masalah kesihatan mental remaja. Platform yang sepatutnya menjadi wadah berkongsi maklumat dan berhubung, kini menjadi medan pertempuran emosi.

Dengan kemajuan teknologi, pembuli mempunyai akses kepada mangsa sepanjang masa melalui platform media sosial. Remaja sering menjadi mangsa penghinaan, ancaman dan penyebaran fitnah rakan sebaya.

Tekanan emosi berterusan boleh mengakibatkan gangguan kebimbangan dan kemurungan, bahkan dalam kes lebih serius, pemikiran untuk membunuh diri.

Selain buli siber, remaja sering berhadapan aktiviti seks siber. Penghantaran mesej seksual secara eksplisit, berkongsi gambar atau video lucah dan terbabit dalam aktiviti seksual melalui panggilan video boleh memberi kesan kepada emosi.

Ini kerana seks siber akan membawa kepada gangguan seksual membuatkan mereka berasa takut, trauma, marah, tertekan, terganggu dan boleh

memberi kesan kepada masalah kesihatan mental. Gangguan ini sering tidak dilaporkan kerana malu dan takut terhadap tindak balas negatif.

Tidak dinafikan, tekanan akademik juga menyumbang kepada masalah kesihatan mental remaja. Harapan tinggi ibu bapa, guru dan orang sekeliling untuk mencapai keputusan cemerlang sering membebankan mereka.

Perasaan tertekan, putus asa kuasai diri

Persaingan sengit memasuki institusi pendidikan tinggi terbaik menjadikan remaja sentiasa dalam keadaan tertekan. Kegagalan mencapai harapan berkenaan boleh menyebabkan perasaan putus asa dan rendah diri.

Ironinya, dalam dunia semakin terhubung, ramai remaja mengalami isolasi sosial. Ketergantungan peranti digital dan media sosial menyebabkan mereka menghabiskan lebih banyak masa dalam talian berbanding berinteraksi secara langsung.

Ini menjejaskan kemahiran sosial dan meningkatkan risiko masalah kesihatan mental seperti kebimbangan serta kemurungan.

Mengatasi masalah kesihatan mental remaja memerlukan usaha bersepadu semua pihak. Sekolah perlu berperanan dengan menyediakan program kesedaran dan sokongan emosi untuk pelajar; manakala kaunselor sekolah perlu dilatih menangani cabaran ini remaja.

Ibu bapa juga perlu diberi pendedahan terhadap cara mengesan tanda masalah kesihatan mental dan memberi sokongan diperlukan. Kempen kesedaran perlu diperluas untuk mendidik masyarakat mengenai kepentingan kesihatan mental dan cara membantu individu memerlukan.

Masalah kesihatan mental remaja adalah cabaran besar memerlukan tindakan segera. Dengan pendekatan betul dan sokongan berterusan, kita dapat membantu remaja mengatasinya, sekali gus memastikan mereka membesar dalam persekitaran sihat serta menyokong.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

Remaja menyamar pegawai perubatan direman 2 hari

KKM bekerjasama siasatan kes suspek berusia 14 tahun

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
dan Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Selangor: Remaja perempuan berusia 14 tahun yang ditahan kelmarin kerana menyamar sebagai pegawai perubatan di Hospital Sultan Idris Shah (HSIS), Serdang, direman selama dua hari.

Perintah reman hingga hari ini dikeluarkan Majistret Muhammad Bukhori Md Ruslan di Mahkamah Majistret, di sini pagi semalam bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 448 Kanun Keseksan serta Seksyen 170 Kanun Keseksan kerana mencerooboh dan menyamar sebagai penjawat awam.

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara selama tiga



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Sepang, semalam.

(Foto Samadi Ahmad/BH)

tahun atau denda maksimum RM5,000 atau kedua-duanya untuk tindakan mencerooboh, manakala bagi perbuatan menyamar sebagai penjawat awam pula boleh dipenjarakan dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Terdahulu, suspek tiba di mahkamah kira-kira jam 8.40 pagi dengan berpakaian lokap oren dan diiringi anggota polis, namun tidak kelihatan kelibat

ibu atau bapa remaja itu di pekarangan kompleks mahkamah.

Kelmarin, Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Yusof, mengesahkan remaja warga tempatan itu ditahan kira-kira jam 9 pagi di lobi HSIS.

Polis turut merampas sehelai baju scrub, seluar scrub dan lanyard hak milik hospital yang digunakan oleh remaja berkenaan.

Wan Kamarul Azran dipe-

tik berkata, hasil siasatan awal mendapati suspek mencerooboh dewan bedah hospital dan mengaku sebagai pegawai perubatan serta mahu membantu menjalankan pembedahan.

KKM beri kerjasama penuh
Sementara itu, Kementerian Kesihatan (KKM) dalam satu kenyataan, berkata pihaknya mengambil maklum kes berkenaan dan memberi kerjasama penuh bagi membantu siasatan polis.

"Pada 7 Ogos 2024, pihak pengurusan HSIS Serdang menerima laporan mengenai tingkahlaku mencurigakan seorang individu yang menyamar sebagai kakitangan bertugas di HSIS.

"Tindakan pantas pihak HSIS berjaya mengesan identiti individu terbabit dan laporan polis sudah dibuat," katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, polis kemudian berjaya menahan remaja terbabit pada keesokannya dan hasil siasatan awal mendapati suspek menggunakan kad pengenalan palsu untuk menyamar sebagai kakitangan HSIS.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

SUARA KONTEMPORARI

Kosmo!

100% STALE FREE

QR CODE

Sabtu
10.08.2024
5 Safar 1446

RM2
BIL: 189 TAHUN 19
PP19529/09/2019 (035123)

www.kosmo.com.my



DOKTOR 14 TAHUN BERLAGAK PAKAR

Remaja perempuan tidak bersekolah,
guna MyKad ibu ceroboh dewan bedah

Oleh MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD dan MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

SEPANG – Seorang remaja perempuan berusia 14 tahun yang ditahan selepas menyamar sebagai pegawai perubatan di Hospital Sultan Idris Shah (HSIS) Serdang dikatakan sempat menjadi 'dokter pakar' selama seminggu selain merawat pesakit di Klinik Pakar Pembedahan (SOPD).

»BERSAMBUNG DI MUKA 2

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

Doktor 14 tahun berlagak pakar

DARI MUKA 1

Sumber memberitahu, pihak hospital pada mulanya mengangap remaja berkenaan sebagai pelajar dalam bidang perubatan yang mengikuti pembelajaran di HSIS.

Katanya, ini kerana terdapat lebih 10 institusi perubatan yang mana pelajar mereka kini sedang menjalani pengajian di hospital tersebut.

"Di Serdang ada lebih 10 institusi dan kita (hospital) tidak halang mana-mana pelajar yang mahu mengikuti pembelajaran atau 'attachment'.

"Kebanyakannya memudahkan, tidak ada batas selagi ketua jabatan dan jabatan boleh terima dan menguruskan pelajar-pelajar yang terlibat.

"Kebetulan pula, remaja ini nampak macam orang dewasa dan pihak jabatan mula sangsi sehingga akhirnya dia 'kanto' dan ditangkap di SOPD," katanya kepada Kosmo! semalam.

Sumber memaklumkan, apa yang mengejutkan apabila remaja perempuan itu sempat melakukan pemeriksaan selain bertanya mengenai tahap kesihatan pesakit yang berada di klinik berkenaan.

"Selama berada di sana (SOPD), dia hanya berlagak-legar dan kita tidak tahu apa yang dia katakan pada pesakit.



REMAJA perempuan (tengah) dibawa ke Mahkamah Majistret Sepang semalam untuk mendapat perintah reman bagi membantu siasatan menyamar sebagai doktor. - FAISOL MUSTAFA

"Sebagai pakar, doktor atau pegawai yang bertugas, kami memang tahu tugas dan peranan masing-masing," katanya.

Jelas sumber itu lagi, pihak hospital telah mengambil tin-

dakan segera sebaik menyedari penyamaran remaja itu sebelum memaklukkannya kepada pihak polis untuk tangkapan.

"Memang jelas dia menyamar sebagai pegawai perubatan dan

perbuatannya itu telah dikesan sejak beberapa hari sebelum ditangkap ketika berada di SOPD semalam (kelmarin)," ujarnya.

Terdahulu, remaja perempuan itu ditahan direman selama dua

hari sehingga hari ini menerusi perintah reman dikeluarkan Majistret Muhammad Bukhori Md Ruslan di Mahkamah Majistret di sini.

Tahanan reman ke atas suspek dibuat bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 448 Kanun Keseksaan dan 170 Kanun Keseksaan iaitu menceroboh dan menyamar penjawat awam.

Kosmo! semalam melaporkan seorang remaja perempuan berusia 14 tahun bertindak licik apabila berjaya menyamar sebagai doktor di Hospital Sultan Idris Shah Serdang di sini selama dua bulan tanpa disedari oleh petugas lain.

Lebih hebat apabila remaja terbabit yang berbadan kurus turut memiliki pas kerja, peralatan doktor dan mampu mengakses komputer serta membuat rondaan pesakit di wad-wad hospital berkenaan.

Menurut sumber, sepanjang dua bulan berada di hospital tersebut, remaja terbabit pandai berlakon sebagai pegawai perubatan pediatrik dengan merawat para pesakit serta memberi ubat-ubatan.

Katanya, remaja terbabit memasuki Hospital Sultan Idris Shah Serdang kononnya datang dari Hospital Cyberjaya bagi melengkapkan syarat atau membuat attachment untuk menjadi seorang doktor pakar.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

Kosmo! SABTU 10 OGOS 2024

Negara! 7

Hospital pertama dapat tiga akreditasi penjagaan kesihatan

SMC terima pengiktirafan JCI

Oleh ZUBAIDAH IBARHIM

PETALING JAYA – Pusat Perubatan Sunway (SMC), Bandar Sunway menjadi hospital pertama di negara ini yang menerima tiga akreditasi utama dengan terbaharu akreditasi Suruhanjaya Bersama Antarabangsa (JCI), *The Gold Seal of Approval*.

Terdahulu, SMC telah menerima akreditasi daripada Majlis Piawai Penjagaan Kesihatan Australia (ACHS) dan Persatuan Kualiti Kesihatan Malaysia (MSQH) sekali gus, mengukuhkan lagi kedudukan dalam kecemerlangan penjagaan kesihatan.

Pencapaian berkenaan secara tidak langsung membuktikan komitmen SMC untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan bertaraf dunia dan meletakkan standard tertinggi dalam penjagaan dan keselamatan pesakit.

Menurut Presiden Kumpulan Penjagaan Kesihatan Sunway, Datuk Lau Beng Long, kejayaan SMC mendapat akreditasi JCI ini membuktikan bahawa pusat perubatan itu meletakkan standard tertinggi dalam keselamatan pesakit dan memenuhi keperluan



BENG LONG (dua dari kiri) menerima penyerahan akreditasi JCI *The Gold Seal Of Approval* baru-baru ini.

serta perkhidmatan terbaik secara keseluruhan.

"Kami menerima kunjungan hampir sejuta pesakit dari dalam dan luar negara setiap tahun. Oleh itu, kami ingin menyediakan perkhidmatan yang baik dan selesa kepada pesakit serta keluarga mereka sepanjang berada di sini.

"Pengiktirafan daripada JCI

ini amat penting seiring dengan ulang tahun ke-25 SMC pada tahun ini," katanya dalam satu kenyataan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, akreditasi JCI diterima SMC bukan sahaja menekankan dedikasi dalam menyediakan penjagaan berkualiti tinggi tetapi

meletakkannya sebagai pemain utama dalam menunaikan objektif penjagaan kesihatan Malaysia.

"Dengan menetapkan penanda aras dalam kecemerlangan penjagaan kesihatan, ia turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan kebolehpai dan piawai penjagaan kesihatan sejajar dengan matlamat utuh digariskan dalam Ker-

tas Putih Kesihatan Malaysia.

"Rakan strategik Kementerian Kesihatan boleh bergantung kepada sektor swasta seperti Sunway untuk mempromosikan pencegahan dalam penjagaan kesihatan, intervensi awal dan pendidikan kesihatan, sekali gus memupuk masa depan yang lebih sihat untuk semua rakyat Malaysia," ujarnya.

Dalam pada itu, Naib Presiden Suruhanjaya Bersama Antarabangsa, Andrew Rosen berkata, akreditasi JCI membantu memacu penambahbaikan merentasi pelbagai bidang meliputi peningkatan pendidikan kakitangan kepada memamerkan amalan utama dalam persekitaran hospital.

"Kami memuji SMC atas komitmennya untuk menjadi organisasi penambahbaikan kualiti dan mencapai *The Gold Seal of Approval* JCI, simbol kualiti dan keselamatan pesakit yang diiktiraf secara universal," katanya.

Kejayaan meraih akreditasi ini meletakkan SMC sebaris dengan organisasi penjagaan kesihatan elit lain di seluruh dunia yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang penjagaan pesakit, rawatan dan keselamatan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NEGARA

Jaga cuai terlepas tembakan di Hospital Alor Gajah ditahan

ALOR GAJAH – Seorang pengawal keselamatan di Hospital Alor Gajah di sini, ditahan selepas terlepas tembakan akibat kunci keselamatan senjata api tidak dipasang dalam kejadian di unit hasil hospital berkenaan kelmarin.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendan Ashari Abu Samah berkata, ketika kejadian kira-kira pukul 5.30 petang itu, pengawal keselamatan berusia 56 tahun itu bertugas seorang diri dan tiada individu lain di pejabat.

"Polis menerima maklumat kejadian daripada ketua pengawal keselamatan Hospital Alor Gajah yang memaklumkan, senjata api jenis shotgun Winchester digunakan suspek telah terjatuh dan meletup sehingga terkena meja kaunter.

"Ketika kejadian, suspek sedang duduk di kerusi, manakala senjata api yang dibekalkan syarikat diletakkan di atas meja hadapannya dalam keadaan kunci keselamatan tidak dipasang," katanya.

Menurutnya, kejadian itu tidak melibatkan sebarang kehilangan nyawa atau kecederaan dan suspek lelaki ditahan kelma-



Di Hospital Alor Gajah inilah seorang pengawal keselamatan terlepas tembakan di unit hasil hospital berkenaan kelmarin. – GAMBAR HIASAN

rin selepas pihak hospital membuat laporan polis pukul 6.20 petang kelmarin.

Katanya, lelaki itu ditahan atas kecuaiannya mengendalikan senjata api setelah pihak hospital dan syarikat kawalan keselamatan melakukan siasatan dalaman.

"Suspek telah bekerja di situ

kira-kira dua tahun lalu dan mendapat lesen penggunaan senjata api sejak 2023. Kita turut merampas semua barang kes dalam kejadian itu.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 39 Akta Senjata Api 1960 kerana melepaskan tembakan di tempat awam," ujarnya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA

Terap ilmu penyusuan susu ibu seawal usia remaja

KUALA LUMPUR - Penggunaan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dan media sosial menjadi langkah penting dalam usaha merapatkan jurang antara generasi Z dan Alpha berkaitan penyusuan susu ibu.

Menurut Pengarah Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan (KKM), Rusidah Selamat, usaha ke arah itu perlu dilakukan bermula sekarang untuk mendidik dan mempersiapkan generasi masa hadapan mengenai kepentingan penyusuan susu ibu.

"Kita bakal berdepan cabaran besar pada masa akan datang jika perkara ini tidak dimulakan sejak awal.

"Sekarang ini kita berhadapan dengan generasi Z dan mulai tahun hadapan kita perlu beri perhatian kepada generasi baharu iaitu Alpha yang akan memasuki usia 15 tahun.

"Usia sebegini sangat penting untuk kita mempersiapkan mereka dengan pengetahuan berkaitan penyusuan ibu agar tidak ada yang tercicir dalam hal ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Laktasi Kebangsaan Kali Ke-6

dan Sambutan Minggu Penyusuan Ibu Sedunia 2024 di Hospital Tunku Azizah, Kuala Lumpur, di sini semalam.

Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia disambut setiap tahun dari 1 hingga 7 Ogos bertujuan memanifestasikan komitmen terhadap usaha mempromosi, melindungi dan menyokong penyusuan susu ibu.

Tambah beliau, fokus awal akan diberikan kepada pelajar sekolah dan di institusi pengajian tinggi untuk mempersiapkan mereka menjadi ibu muda yang mempunyai ilmu berkaitan penyusuan ibu pada masa akan datang.

Tambahnya, isu penyusuan ibu nampak mudah tetapi sebenarnya ia sangat penting bukan sahaja di negara ini tetapi juga di peringkat global yang telah diperjuangkan sejak dulu lagi.

"Kita mengalu-alukan para ibu untuk menyertai kumpulan sokongan yang disediakan oleh pihak kami untuk mempersiapkan diri mereka sejak dari awal kehamilan sehingga anak berusia dua tahun dan mengikuti siri kelas dalam talian.

"Tidak ada makanan yang terbaik untuk bayi yang boleh menandingi susu ibu," katanya.



RUSIDAH (dua kanan) pada Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu di Hospital Tunku Azizah di Kuala Lumpur semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Remaja menyamar staf hospital direman 2 hari

Bagi membantu siasatan berhubung tindakan mencerooboh dan menyamar sebagai penjawat awam

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
KAJANG

Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan remaja perempuan yang mencerooboh dan menyamar sebagai pegawai perubatan di Hospital Sultan Idris Shah (HSIS) Serdang, direman selama dua hari sehingga Sabtu.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Yusof berkata, perintah reman ke atas remaja berusia 14 tahun itu dikeluarkan Majistret Muhammad Bukhori Md Ruslan pada Jumaat.

Belliau berkata, tahanan reman diperolehi daripada Mahkamah Sepang itu bagi membolehkan polis menjalankan siasatan lanjut.

"Remaja perempuan berusia 14 tahun ini akan disiasat di bawah Seksyen 448 dan 170 Kanun Keseksaan.



Remaja perempuan berusia 14 tahun direman selama dua hari sehingga Sabtu kerana disyaki mencerooboh dan menyamar sebagai petugas HSIS Serdang.

"Siasatan dilakukan berhubung tindakan mencerooboh dan menyamar sebagai penjawat awam," katanya pada Jumaat.

Terdahulu, remaja berkenaan tiba di Kompleks Mahkamah Sepang kira-kira jam 8.40 pagi diiringi pihak polis dengan pakaian lokap berwarna oren.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan, pihak polis menahan seorang remaja warga tempatan di lobi HSIS Serdang jam 9 pagi Khamis, selepas menerima satu laporan da-

ripada kakitangan hospital berkenaan.

Laporan itu menyatakan remaja terbabit berada dalam dewan bedah hospital berkenaan dan mengaku sebagai pegawai perubatan, mahu membantu menjalankan pembedahan.

Semasa ditahan, polis turut merampas baju dan seluar scrub serta lanyard hak milik hospital tersebut.

Ibu kepada remaja perempuan berkenaan turut dipanggil pada Khamis untuk dirakam keterangan.

MMA gesa perketat sistem pengesahan identiti kakitangan hospital

PUTRAJAYA - Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa pihak berkuasa memperketatkan sistem keselamatan fasiliti kesihatan terutamanya dalam pengesahan identiti kakitangan. Ia susulan insiden remaja berusia 14 tahun menyamar menjadi pegawai perubatan dan memasuki dewan bedah.



DR AZIZAN

Presiden MMA, Dr Aziz Abdul Aziz menegaskan, tindakan itu perlu diambil bagi memastikan kejadian seumpama tidak berulang.

Belliau berkata, pelanggaran keselamatan boleh menjejaskan kesihatan dan nyawa pesakit.

"Keselamatan dan privasi pesakit mesti kekal sebagai keutamaan tertinggi pada setiap masa," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Menurut Dr Aziz, pihak pengurusan hospital terbabit digesa menyiasat dengan teliti perkara ini bagi memastikan sama ada kejadian tersebut telah menjejaskan penjagaan pesakit.

"Selain itu, kesihatan mental remaja itu juga perlu dinilai memandangkan adalah luar biasa bagi seorang remaja untuk berkelakuan sedemikian," ujarnya.

Pada Khamis, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan, siasatan awal mendapati remaja berkenaan yang menyamar sebagai petugas perubatan HSIS Serdang menggunakan kad pengenalan palsu.

"Pada 7 Ogos 2024, pihak pengurusan HSIS, Serdang telah menerima laporan mengenai tingkah laku mencurigakan seorang individu yang menyamar sebagai kakitangan yang bertugas di HSIS.

"Tindakan pantas pihak HSIS telah berjaya mengesan identiti individu terbabit dan laporan polis telah dilakukan.

"Pada 8 Ogos (Khamis), pihak polis telah berjaya menahan individu terbabit," kata KKM.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : NASIONAL

Remaja menyamar pegawai perubatan Hospital Serdang

POLIS Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan menerima satu laporan daripada kakitangan Hospital Sultan Idris Shah di Serdang, Selangor berkaitan seorang remaja perempuan yang tidak dikenali berada dalam dewan bedah hospital tersebut.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Yusof berkata, pihaknya menerima laporan tersebut pada jam 1 petang Rabu menyatakan remaja itu mengaku sebagai pegawai perubatan dan mahu membantu menjalankan pembedahan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : DALAM NEGERI

Pintu dewan bedah rosak 'mudahkan' lagi pergerakan

Gadis menyamar doktor guna MyKad ibu

Oleh MOHD. HUSNI
MOHD. NOOR
utusannews@mediamula.com.my

SEPANG: Menggunakan MyKad milik ibunya untuk menceroi masuk ke dalam dewan bedah hospital antara taktik remaja perempuan yang ditahan polis kerana menyamar sebagai doktor, kelmarin.

Lebih 'memudahkan' pergerakannya, pintu bilik bedah itu pula didapati rosak sehingga dia dapat berada dalam dewan bedah untuk 'membantu' menjalani satu operasi pembedahan di Hospital Sultan Idris Shah (HSIS) di Serdang, Selangor.

Mendedahkan perkara itu, Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Yusof berkata, suspek bukannya menggunakan kad pengenalan palsu, sebaliknya MyKad ibunya.

"Bukan IC (MyKad) palsu, tetapi suspek guna MyKad ibunya. Masuk (dewan bedah) sebab pintu rosak," katanya ketika dihubungi semalam.

Terdahulu, Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan remaja terbabit membuat penyamaran itu menggunakan kad pengenalan palsu bagi mengelak identiti dikenal pasti.

Kata KKM, pengurusan HSIS menerima laporan mengenai tingkah laku mencurigakan seorang individu yang menyamar sebagai kakitangan di situ dan tindakan pantas hospital berjaya mengesan identiti individu terbabit serta membuat laporan polis.

Dalam pada itu, ditanya hasil



REMAJA perempuan yang disyaki menyamar sebagai doktor ketika dibawa ke Mahkamah Majistret Sepang, Selangor, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

soal siasat ke atas ibu suspek semalam, Wan Kamarul Azran berkata, beliau tidak dapat mendedahkannya buat masa ini.

Ditanya motif suspek melakukan penyamaran, Wan Kamarul Azran memaklumkan, perkara itu masih dalam siasatan pihaknya.

Berhubung sama ada suspek terpengaruh dengan mana-mana aksi filem berkaitan watak penyamaran, Wan Kamarul hanya menjawab 'tidak'.

Selain itu, katanya, polis tidak menolak kemungkinan remaja itu dirujuk untuk pemeriksaan kesihatan, namun ia boleh dilakukan

selepas pertuduhan dilakukan.

Beliau turut mendedahkan remaja itu sudah berhenti sekolah, namun tidak mendedahkan sejak bila suspek berbuat demikian.

Terdahulu, remaja berusia 14 tahun itu ditahan direman dua hari menerusi perintah dikeluarkan Majistret Muhammad Bukhori Md. Ruslan di Mahkamah Majistret di sini.

Tahanan reman ke atas suspek dibuat bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 448 dan Seksyen 170 Kanun Keseksaan iaitu menceroi dan menyamar penjawat awam.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NEWS / NATION

USED FAKE ID CARD

Teen impersonating Serdang Hospital staff member remanded

SEPANG: Police have obtained a two-day remand order against the teenager who impersonated a staff member at the Sultan Idris Shah Hospital.

Magistrate Muhammad Bukhori Md Ruslan granted the order for police to remand the 14-year-old teenager from yesterday until today to facilitate investigation into the case.

The teenager is being investigated under Section 448 and Section 170 of the Penal Code for trespassing and impersonating a public servant.

Earlier, the suspect, clad in the orange lock-up attire, arrived at the magistrate's court here at 8.40am.

There were, however, no signs of her parents at the compound of the court complex.

Police on Thursday confirmed that a teenager had been arrested for allegedly posing as a staff member at the hospital.

Sepang police chief Assistant Commissioner Wan Kamarul Azran Wan Yusof said the suspect had been posing as a staff member at the hospital for about a week.

Meanwhile, the Health Ministry said preliminary investigations showed that the teen had used a fake identification card to carry out the impersonation at the hospital.



The 14-year-old is being investigated under Section 448 and Section 170 of the Penal Code for trespassing and impersonating a public servant. BERNAMA PIC

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

8 Nation

Girl held for playing doctor

Teen caught for trying to assist with surgery now in remand

SEPANG: A 14-year-old girl arrested for impersonating a medical officer at a hospital has been remanded for two days.

Magistrate Muhammad Bukhori Md Ruslan issued the remand order against the teen suspect yesterday to facilitate investigations under Sections 448 and 170 of the Penal Code for trespassing and impersonating a civil servant respectively.

The teenager, clad in orange colour lock-up attire, was escorted by police to the Sepang Court Complex at about 8.40am yesterday,

according to Bernama.

Selangor OCPD Asst Comm Wan Kamarul Azran Wan Yusof said on Thursday that the teenager was arrested at 9am at Hospital Sultan Idris Shah in Serdang, near here.

He also said police seized scrubs and a lanyard belonging to a hospital from the young suspect.

He said a report was lodged on Aug 7 after the unknown girl was found inside an operating theatre.

The teenager had claimed to be

a medical officer who wanted to assist with surgery.

"On Aug 8 at around 8.30am, the hospital spotted the same individual attempting to register using a false identity. The police were called and an arrest was made," he said, adding that the girl was caught in the lobby of the hospital.

ACP Wan Kamarul Azran also urged the public to avoid speculation and refrain from spreading false information about the case.

He said police had also called

the teenager's mother for questioning.

The Health Ministry, in a separate statement, said it had received a report regarding the suspicious behaviour of an individual who impersonated a staff member on duty at that hospital.

"The swift action of the hospital team successfully identified the individual and a police report was lodged," the statement said.

According to the statement, the case is under investigation, and the Health Ministry will fully cooperate with the police.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : VIEWS

There's an anaemia crisis among Orang Asli children

WITH the world, including Malaysia, marking International Day of the World's Indigenous Peoples yesterday, we would like to highlight a pressing health issue faced by indigenous communities in this country.

Researchers from Universiti Malaya recently conducted a systematic review in Malaysia that revealed a high prevalence of anaemia among Orang Asli children.

Anaemia, characterised by a deficiency in the number of red blood cells, is a widespread nutritional problem that affects people of all ages globally.

Among the Orang Asli children in Peninsular Malaysia, the prevalence of anaemia is alarmingly high at 61.6%, significantly

surpassing the national average of 21.3%. This health disparity underscores the urgent need for targeted interventions and comprehensive public health strategies.

The systematic review synthesised findings from eight studies conducted between January 2000 and June 2022. The review identified several determinants of anaemia among Orang Asli children, including iron deficiency anaemia, soil-transmitted helminth infections caused by parasitic worms, gender, maternal education level, and household income.

Despite the high prevalence of the condition, there is a notable gap in research on hereditary

anaemia and malaria as potential contributors, highlighting areas for future investigation.

This high incidence of anaemia among Orang Asli children is primarily attributed to poor nutrition, socio-economic stress, early pregnancy, and parasitic infections.

The marginalised status of Orang Asli communities, which confront significant socio-economic and health challenges, exacerbates these factors. The review calls for a holistic approach to address these determinants, emphasising the need to revisit and evaluate healthcare access, nutritional support, and educational initiatives tailored to the personalised needs of this community.

To effectively combat anaemia in Orang Asli children, we need to consider the broader social determinants of health. This includes addressing poverty, enhancing maternal education, and ensuring access to clean water and sanitation.

The World's Indigenous Peoples Day underlines the imperative to prioritise the health and well-being of indigenous communities. By shining a light on the hidden health crisis of anaemia among Orang Asli children in Malaysia, we can advocate for the necessary resources and policies to support their health and future.

Through continued research and community engagement, we can work towards a future

where Orang Asli children and all indigenous populations have the opportunity to thrive. This International Day of the World's Indigenous Peoples, let us commit to making health equity a reality for all.

DR MUNAZIERAA AB AZIZ
PhD candidate
PROF DR HAZREEN ABDUL
MAJID, DR NG AI KAH,
DR MASLINOR ISMAIL and
DR PETER ANING
Centre for Population
Health, Department of Social
and Preventive Medicine,
Faculty of Medicine
Department of Urban &
Regional Planning, Faculty of
Built Environment
Universiti Malaya

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : LETTERS

INTERNATIONAL INDIGENOUS PEOPLES DAY

Shining a light on Orang Asli children facing anaemia

AS we celebrate International Indigenous Peoples Day, it is crucial to highlight health issues faced by indigenous communities.

Researchers from Universiti Malaya have conducted a systematic review that revealed the high prevalence of anaemia in Orang Asli children.

Anaemia, characterised by a deficiency of red blood cells, is a nutritional problem that affects people of all ages.

Among the Orang Asli children in Peninsular Malaysia, the

prevalence of anaemia is high at 61.6 per cent, surpassing the national average of 21.3 per cent.

This health disparity underscores the need for targeted interventions and public health strategies.

The systematic review synthesised findings from eight studies conducted between January 2000 and June 2022.

The review identified several determinants, including iron deficiency, soil-transmitted helminth infection, gender, maternal education level and house-

hold income.

The high incidence of anaemia is also attributed to poor nutrition, socio-economic stress, early pregnancy and parasitic infections.

The marginalised status of the Orang Asli community exacerbates these factors.

The review emphasises the need to revisit and evaluate the healthcare access, nutritional support and educational initiatives for this community.

To tackle the problem of anaemia in Orang Asli children,

we need to consider the broader social determinants of health, including addressing poverty, boosting maternal education, and ensuring access to clean water supply and sanitation.

As we reflect on the theme of this year's International Indigenous Peoples Day, "Protecting the Rights of Indigenous Peoples in Voluntary Isolation and Initial Contact", it is imperative to prioritise their health and wellbeing.

By shining a light on the hidden health crisis of anaemia among

Orang Asli children, we can advocate for resources and policies to support their health and future.

Through continued research and community engagement, we can work towards a future where Orang Asli children and all indigenous populations have the opportunity to thrive.

CENTRE FOR POPULATION HEALTH
Faculty of Medicine, Department of
Urban & Regional Planning, Faculty
of Built Environment,
Universiti Malaya